

65 TASKA, 11 pusat jagaan dibatal pendaftaran

BH
25/10/16
mls 8

➔ Gagal patuhi Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984

Laporan Mohd Anwar Patho Rohman, Rohaniza Idris dan Ahmad Suhael Adnan

bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Sebanyak 65 taman asuhan dan 11 pusat jagaan kanak-kanak dibatalkan pendaftaran kerana gagal mematuhi Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984, dari Janu-

ari hingga September lalu.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun, berkata dalam tempoh itu juga, sebanyak lapan TASKA dan enam pusat jagaan didakwa di mahkamah manakala 11 TASKA didenda.

983 TASKA tak berdaftar

“Hasil pemeriksaan dilakukan Kementerian juga mengesan sebanyak 983 TASKA tidak berdaftar sehingga Ogos 2016.

“Kementerian komited untuk memastikan pengusaha TASKA mematuhi undang-undang kerana ia membabitkan soal keselamatan kanak-kanak,” katanya pada persidangan Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Da-



Chew Mei Fun

tuk Noor Ehsanuddin Mohd Harun Narrashid (BN-Kota Tinggi) yang bertanya sama ada kerajaan bercadang memantapkan mekanisma pemantauan dan penguatkuasaan terhadap TASKA milik swasta bagi memastikan kualiti asuhan sentiasa terjamin.

Mei Fun berkata, mengikut perangkaan Jabatan Kebajikan Masyarakat, sehingga 30 September tahun ini sebanyak 862 TASKA diaudit di bawah Penilaian Akreditasi Taska 2016.

“Pencapaian melebihi sasaran ini menunjukkan Kementerian serius memastikan kualiti asuhan kanak-kanak berada pada tahap memuaskan dan menjadi penanda aras kepada pengusaha TASKA seluruh negara,” katanya.